

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

**PROJEK PEMBINAAN KAMPUS AKADEMI BINAAN MALAYSIA
(ABM) WILAYAH SABAH
*KAMPUS ABM DI MALAYSIA DIJANGKA LAHIR LEBIH RAMAI BELIA
BERKEMAHIRAN TINGGI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN***

PAPAR, 30 OGOS 2025 – Sabah terus menyokong agenda nasional negara dalam memperkukuh Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan pelaksanaan Projek Pembinaan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Sabah di Beringgis, Papar. Projek bernilai RM130.6 juta ini bakal menjadi kampus ABM termoden dari segi infrastruktur dan fasiliti di negara ini, melambangkan komitmen bersama Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam melahirkan lebih ramai belia tempatan berkemahiran tinggi dalam industri pembinaan.

Majlis pecah tanah Projek Pembinaan Kampus Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Sabah di Beringgis, Papar telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, bersama Menteri Kerja Raya Malaysia, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, menandakan bermulanya sebuah pembangunan ikonik yang bakal menyediakan peluang lebih besar untuk belia Sabah menceburi kerjaya berkemahiran tinggi dalam sektor binaan.

Kampus baharu ABM Wilayah Sabah akan dibangunkan di atas tapak seluas 34 ekar dengan fasiliti moden yang merangkumi blok akademik, bengkel latihan, asrama, kompleks sukan, surau serta kemudahan digital berteknologi tinggi. Direka berteraskan konsep ekokampus, kampus ini bukan sahaja menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif dan lestari tetapi juga mampu menampung sehingga 700 pelatih pada satu-satu masa. Peningkatan ini dijangka melonjakkan kapasiti latihan belia sebanyak 73% dan personel binaan sebanyak 39% berbanding kemudahan sedia ada.

Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, menegaskan bahawa pembangunan kampus baharu ini sejajar dengan aspirasi Sabah Maju Jaya yang menekankan kepentingan modal insan sebagai tonggak pembangunan negeri.

“Masa depan Sabah bergantung kepada kemampuan melahirkan tenaga mahir tempatan melalui program latihan TVET yang relevan dengan keperluan industri semasa. ABM Wilayah Sabah dilihat sebagai rakan strategik utama dalam menjayakan agenda ini kerana menyediakan laluan kerjaya yang jelas kepada golongan belia.”

ABM Wilayah Sabah mula beroperasi pada tahun 2001 dan sejak itu telah melatih lebih 196,000 anak jati Sabah dalam pelbagai bidang kemahiran. Tahun ini sahaja, lebih 4,000 belia dan 3,000 personel binaan telah mendapat manfaat daripada latihan ABM Wilayah Sabah dan CIDB Tech dengan 85 peratus daripada graduan berjaya memperoleh pekerjaan.

Antara bidang yang paling menonjol termasuk *scaffold erection*, *gas pipe fitter* dan *welding*, operasi jentera, elektrik, penyaman udara, perpaipan serta bidang berkaitan Industrialised Building System (IBS). Permintaan tinggi terhadap latihan ini, termasuk daripada sektor minyak dan gas yang memerlukan kemahiran kimpalan membuktikan bahawa ABM Wilayah Sabah mampu melahirkan tenaga kerja bertauliah yang relevan dan berdaya saing di pasaran pekerjaan tempatan dan antarabangsa.

Lebih menarik, projek ini adalah yang pertama di Sabah menggunakan aplikasi Building Information Modelling (BIM) sehingga tahap LOD 500 yang digabungkan dengan Industrialised Building System (IBS). Pendekatan ini membolehkan model digital bangunan dibangunkan sehingga menyerupai bangunan sebenar dan digunakan sepanjang kitar hayat projek daripada reka bentuk, pembinaan, operasi sehinggalah ke penyelenggaraan fasiliti. Selain itu, projek ini turut dinilai menggunakan piawaian Safety and Health Assessment System in Construction (SHASSIC), Quality Assessment System in Construction (QLASSIC) dan Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool (MyCREST) bagi memastikan ia mematuhi standard keselamatan, kualiti dan kelestarian yang tertinggi.

Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, menegaskan bahawa projek ABM ini bukan sekadar pembangunan fizikal, tetapi mercu tanda penting dalam usaha menjadikan TVET sebagai pemacu transformasi industri pembinaan negara.

“ABM merupakan inisiatif strategik di bawah CIDB yang berperanan melahirkan tenaga kerja mahir dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan industri. Dengan fasiliti moden dan program latihan berimpak tinggi, ABM Wilayah Sabah diyakini akan berkembang sebagai hab latihan bertaraf dunia yang bukan sahaja melahirkan belia berkemahiran teknikal, tetapi juga bersedia menghadapi cabaran era teknologi dan digital.”

Sejak penubuhannya, ABM dan CIDB Tech telah melatih seramai 463,679 orang di seluruh negara antara tahun 2001 hingga Julai 2025 yang terdiri daripada 164,350 belia dan 299,329 personel binaan daripada enam kampus yang beroperasi di seluruh negara. Statistik ini membuktikan peranan besar ABM dalam melahirkan tenaga kerja mahir industri pembinaan negara.

Majlis ini turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara ABM Wilayah Sabah dengan tiga rakan strategik utama iaitu Sabah Housing and Real Estate Developers Association (SHAREDAs), KTI Sdn Bhd dan Tas Institute of Oil & Gas. Melalui kerjasama ini, pelatih ABM bukan sahaja mendapat latihan berasaskan teknologi baharu seperti IBS dan BIM malah dijamin laluan pekerjaan dalam sektor perumahan, pembinaan dan minyak dan gas. Ini memastikan sijil kelayakan yang diperoleh benar-benar membawa nilai tambah kepada masa depan graduan.

Dengan siapnya Kampus ABM Wilayah Sabah ini, ia akan menjadi simbol kerjasama erat Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam memperkukuh ekosistem TVET. Kampus ini dijangka bukan sahaja melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam industri pembinaa tetapi juga memastikan rakyat Sabah menikmati peluang pembangunan, kemahiran dan pekerjaan.

TAMAT

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
